

09 JUN 2002

Koperasi-Dasar

DASAR KOPERASI NEGARA DILANCAR 21 JULAI INI

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Dasar Koperasi Negara yang bertujuan menggalakkan lagi pembangunan koperasi di Malaysia, akan dilancarkan pada 21 Julai ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serentak dengan sambutan Hari Koperasi Negara.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Dr Tan Kee Kwong berkata dasar itu yang dirangka Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK), menggariskan beberapa strategi yang diharap dapat menjana pertumbuhan lebih 4,246 koperasi yang berdaftar di negara ini.

"Kerajaan berharap gerakan koperasi yang mempunyai kira-kira 4.7 juta anggota boleh menjadi sektor penyumbang ekonomi ketiga negara selepas sektor kerajaan dan swasta," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Ke-19 Koperasi Kakitangan Petronas (Kopetro) di sini hari ini.

Dr Tan berkata gerakan koperasi di Malaysia sebenarnya sangat besar dan berpengaruh dengan saham terkumpul bernilai RM4.3 bilion dan aset terkumpul RM18.9 bilion.

Dasar itu, kata Tan antara lain akan mensyaratkan bahawa koperasi-koperasi yang mempunyai kurang daripada 150 anggota, digabungkan supaya menjadi lebih mantap dan menguntungkan.

Sejajar pelancaran dasar berkenaan, Dr Tan berkata Akta Koperasi 1993 juga sedang dikaji oleh JPK bagi mengenal pasti bahagian-bahagian yang sudah tidak sesuai dipraktikkan dalam senario koperasi terkini.

Beberapa pindaan terhadap akta tersebut akan dibuat dalam jangka masa setahun dari sekarang.

Beliau turut menggesa orang ramai khususnya anggota koperasi supaya mengubah pemikiran bahawa koperasi sekadar satu badan yang memberikan pinjaman mudah kepada mereka.

"Kalau sebut peranan koperasi, orang ingat, oh, saya jadi ahli senang pinjam wang. Ini konsep pemikiran lama," katanya.

Sebaliknya, Dr Tan mencabar mereka supaya lebih inovatif dan berdaya maju untuk menjadikan koperasi mereka sebuah organisasi yang menguntungkan.

Beliau memberi contoh "Cooperative Wholesale Society" di Manchester, United Kingdom yang mencatatkan pulang modal perniagaan sebanyak 5 bilion pound sterling (kira-kira RM25 bilion) setahun.

-- BERNAMA

RBZ MAM LAT